

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 10.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menggalakkan ibu bapa untuk menghadiri mesyuarat PIBG sekolah demi kepentingan dan tanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,


Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memang telah mengambil langkah proaktif untuk menggalakkan ibu bapa menghadiri mesyuarat PIBG sekolah demi menyedarkan ibu bapa tentang kepentingan dan tanggungjawab mereka terhadap pendidikan anak-anak. KPM melalui Anjakan 9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 iaitu Bekerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta telah menyediakan sarana (*toolkits*) ibu bapa dan sarana sekolah sebagai panduan dan mekanisme kepada ibu bapa untuk berperanan dalam meningkatkan pembelajaran anak.

Sarana ini menyediakan instrumen bagi ibu bapa untuk mengetahui atau menilai tahap penglibatan mereka dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid. Seterusnya ibu bapa diberikan panduan dalam mendidik anak-anak dengan adanya contoh-contoh amalan terbaik. Ibu bapa juga boleh menghubungi pihak sekolah untuk membantu ibu bapa dalam mendidik anak khususnya dalam aspek akademik.

Di bawah program ini, Biro Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) diwujudkan di setiap sekolah untuk membantu ibu bapa melalui perkongsian buah fikiran dan menangani setiap isu di bawah struktur Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sedia ada. KSIB ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KSIB lebih banyak interaksi, kerjasama perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku. Selain daripada itu, di bawah struktur PIBG juga diwujudkan Biro Maklumat untuk dijadikan medan komunikasi penyebaran maklumat di antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

KPM juga menggalakkan penubuhan PIBG di sekolah-sekolah yang belum mewujudkannya terutama di Sekolah Agama Rakyat (SAR). Terdapat segelintir SAR tidak mewujudkan PIBG sekolah memandangkan sebelum berdaftar sebagai SABK, mereka lebih banyak bergantung kepada urus tadbir yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengelola Sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memberi ruang dan kebebasan kepada pihak pentadbir sekolah dan Jawatankuasa PIBG melaksanakan aktiviti atau program yang boleh menarik perhatian ibu



Sarana ini menyediakan instrumen bagi ibu bapa untuk mengetahui atau menilai tahap penglibatan mereka dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid. Seterusnya ibu bapa diberikan panduan dalam mendidik anak-anak dengan adanya contoh-contoh amalan terbaik. Ibu bapa juga boleh menghubungi pihak sekolah untuk membantu ibu bapa dalam mendidik anak khususnya dalam aspek akademik.

Di bawah program ini, Biro Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) diwujudkan di setiap sekolah untuk membantu ibu bapa melalui perkongsian buah fikiran dan menangani setiap isu di bawah struktur Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sedia ada. KSIB ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KSIB lebih banyak interaksi, kerjasama perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku. Selain daripada itu, di bawah struktur PIBG juga diwujudkan Biro Maklumat untuk dijadikan medan komunikasi penyebaran maklumat di antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

KPM juga menggalakkan penubuhan PIBG di sekolah-sekolah yang belum mewujudkannya terutama di Sekolah Agama Rakyat (SAR). Terdapat segelintir SAR tidak mewujudkan PIBG sekolah memandangkan sebelum berdaftar sebagai SABK, mereka lebih banyak bergantung kepada urus tadbir yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengelola Sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memberi ruang dan kebebasan kepada pihak pentadbir sekolah dan Jawatankuasa PIBG melaksanakan aktiviti atau program yang boleh menarik perhatian ibu

bapa untuk hadir ke sekolah dan seterusnya menghadiri Mesyuarat Agung PIBG. Walau bagaimanapun, perkara ini merupakan tanggungjawab bersama dan kesedaran ibu bapa untuk bekerjasama membantu pihak sekolah demi kecemerlangan anak-anak amat diperlukan.

RJM05